

13 FEB 2001

SULTAN KELANTAN SAMPAIKAN DERMA PERIBADI KEPADA PELAJAR

KOTA BAHARU, 13 Feb (Bernama) -- Sultan Kelantan akan berangkat ke Gua Musang tidak lama lagi untuk menyampaikan sendiri derma peribadi baginda kepada pelajar tiga buah sekolah di jajahan itu, yang dilaporkan gagal membayar yuran peperiksaan kerana keluarga mereka kesempitan wang.

Pembantu Khas kepada Tengku Razaleigh Hamzah, Ahmad Shabery Chik berkata selain Sultan, beberapa pihak lain seperti orang perseorangan dan badan korporat turut menyatakan hasrat untuk membantu pelajar berkenaan.

Masalah pelajar yang gagal membayar yuran peperiksaan telah dibincangkan dalam mesyuarat Umno Bahagian Gua Musang pada 3 Feb lalu, katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan dari Pejabat Tengku Razaleigh di Kuala Lumpur, hari ini.

Katanya Tengku Razaleigh selaku Ketua Umno Bahagian dan Anggota Parlimen Gua Musang turut menyatakan kesanggupan untuk menampung kekurangan daripada jumlah yang dikumpulkan, sebagai sebahagian daripada langkah jangka pendek untuk mengatasi masalah itu.

Menurut Ahmad Shabery, kegagalan pelajar berkenaan membayar yuran peperiksaan adalah sebahagian daripada masalah yang berpunca daripada kejatuhan harga komoditi yang melanda di seluruh negara.

Beliau yakin dengan bantuan dan tindakan segera kesemua bebanan pelajar itu akan dapat diatasi segera.

Semalam sebuah akhbar melaporkan sebanyak 600 pelajar di Sekolah Menengah (SM) Paloh, SM Bandar Chiku dan SM Sungai Asap kemungkinan tidak dapat menduduki peperiksaan Penilaian Menengah Rendah dan Sijil Pelajaran Malaysia kerana masih belum menjelaskan yuran peperiksaan apabila ibu bapa masing-masing tidak mampu.

Mengulas perkara itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu agensi-agensi terbabit membantu menyelesaikan segera isu itu.

--BERNAMA

SM RAR RI